

# Tamu Gadang UMS Labuan bermula Jumaat ini

NST 16.11.16 9


LABUAN: Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), 2016 akan bermula Jumaat ini.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik (*gambar*) berkata program tiga hari itu menyediakan pelbagai acara untuk menarik kehadiran pengunjung dari dalam dan luar negara.

Katanya, Tamu Gadang 2016 akan dimulakan dengan Simposium Perubatan Tradisional yang menampilkan tujuh pengamal perubatan pada sebelah petang hingga malam.

Pada sebelah malamnya pula akan diadakan Forum Perdana 'Dua Jiwa Satu Cinta' anjuran bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ).

"Forum tersebut akan menampilkan Mudir Imam Muda, Dato' Hassan Mahmud Al-Hafiz, Pengurus PPZ Labuan, Ustaz Ahmad Sharizal Mohd Saffian dan Pengarah Pusat Islam UMS, Ustaz Dr Muhd Suhaimi Taat sebagai ahli panel manakala Ketua



Imam Masjid Jamek An-Nur, Ustaz Mohd Najeeb Abd Rahim sebagai moderator," katanya.

Turut diadakan persembahan nasyyid Kumpulan Al-Furqan.

Dr Murnizam yakin penduduk tempatan dari daerah berhampiran seperti Limbang dan Lawas, Menumbok, Sipitang, Kuala Penyu, Beaufort, Bongawan, Kimanis, Papar dan Kota Kinabalu serta Brunei Darussalam selain warga Wilayah Persekutuan Labuan akan membanjiri

Dataran Padang Kawad untuk menyaksikan forum tersebut.

Sepanjang pesta tiga hari itu, pengunjung berpeluang menyaksikan kehebatan peserta tempatan dan luar negara beraksi di 12 acara termasuk Kid's Got Talent, Festival Tari dan Muzik Rakyat Antarabangsa, Memancing Pesisir Pantai, Volleyball Men's Open, UMSKAL Cooking Battle dan Graduate Run.

Selain itu, Battle Of The Gyms, UMSKAL Cyber Games Challenge, Kal-Cutey Catz Competition, Tarik Tali Se-Borneo, Restaurant Cooking Battle dan Futsal Men's Open.

Dr Murnizam berkata pihaknya turut mengadakan acara flying fox, pocket bike, Pameran Big Bike dan Gerai Tamu Gadang.

Beliau juga yakin kehadiran peserta dari Sabah, Sarawak, Semenanjung dan Brunei serta negara-negara Asean akan membantu menjaga ekonomi dan merancakkan lagi industri pelancongan tempatan seperti yang dihasratkan Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli.